

ASNB Perkasa Kemudahan Zakat melalui Kaedah Kolektif al-Mustaghallat, Memudahkan Pelabur Menerima Dividen Bersih

KUALA LUMPUR, 9 Jun 2026: Pemegang Unit Amanah Dana Harga Tetap Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang beragama Islam kini boleh memilih kaedah pembayaran Zakat al-Mustaghallat secara kolektif (Khultah) untuk menerima pengagihan pendapatan bersih selepas ditolak kadar zakat sebanyak 2.57% yang dikira hanya ke atas pendapatan yang diagihkan, bukan modal pelaburan.

Bagi membolehkan ASNB menguruskan kewajipan zakat para pemegang unit yang beragama Islam, berkuatkuasa 25 Mei 2026, semua dana harga tetap telah diubah struktur menjadi dana pelbagai kelas, iaitu Kelas A dan Kelas B:

- i. Kelas A:
Semua pemegang unit dana harga tetap sedia ada secara automatik berada dalam Kelas A. Tiada perubahan kepada pelaburan atau cara agihan pendapatan diterima. Pemegang unit akan menerima pengagihan pendapatan secara penuh, tanpa sebarang potongan zakat.
- ii. Kelas B:
Terbuka kepada pemegang unit beragama Islam yang ingin mengurus zakat mereka dengan lebih mudah dengan memilih untuk menyertai Kelas B di mana pemegang unit akan menerima agihan pendapatan selepas potongan zakat.

Pemegang unit yang ingin menguruskan pembayaran zakat sendiri boleh memilih untuk kekal di Kelas A. Manakala pemilihan Kelas B membolehkan pemegang unit menikmati pengurusan zakat yang menyeluruh, sambil mengekalkan pulangan bersih yang kompetitif, seterusnya menyokong kesinambungan pelaburan jangka panjang. Hasil pungutan zakat

berkenaan akan disalurkan ke Pusat Zakat Negeri untuk diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan pihak berkuasa zakat.

Dato' Rizal Rickman Ramli, Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, penetapan kaedah baharu pembayaran zakat al-Mustaghallat secara kolektif merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan PNB dalam memperkukuh kesejahteraan sosioekonomi pemegang unit beragama Islam.

"ASNB menyediakan pilihan pembayaran zakat yang membolehkan pemegang unit menunaikan kewajipan mereka secara lebih mudah dan teratur selaras dengan ketetapan syariah", katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak berkuasa agama kebangsaan dan negeri berkaitan atas pertimbangan terhadap kaedah pengiraan zakat al-Mustaghallat secara Khultah ini, sekali gus menyokong pelaksanaan agihan zakat yang sistematik serta membantu pemegang unit mencapai matlamat pelaburan jangka panjang dengan pendapatan bersih yang kekal kompetitif.

Kadar pembayaran zakat yang ditetapkan adalah 2.57% untuk semua Dana Harga Tetap ASNB iaitu ASB, ASB 2, ASB 3 Didik, ASM, ASM 2 Wawasan dan ASM 3, selaras dengan pendekatan kalendar Masihi dan amalan piawaian perakaunan zakat antarabangsa.

Akses Mudah Pemilihan Kelas B

Pelabur boleh menyertai Kelas B dengan mudah melalui aplikasi atau portal myASNB atau dilakukan menerusi Kiosk ASNB atau kaunter cawangan ASNB dan ejen. Penyertaan ke kelas B adalah kekal dan penukaran semula ke Kelas A tidak dibenarkan.

Dengan memilih Kelas B, zakat akan diurus dan dibayar secara automatik oleh ASNB setiap kali pengagihan pendapatan dikreditkan selepas tahun kewangan berakhir. Pembayaran zakat ini tidak menjejaskan nilai modal pelaburan, sejajar dengan objektif utama pelaburan untuk menjana pulangan yang mampan.

Pelaksanaan Kaedah Zakat al-Mustaghallat secara Khultah

Pelaksanaan kaedah zakat al-Mustaghallat telah mengambil kira pandangan hukum yang diperoleh dalam mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) serta kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri termasuk Wilayah Persekutuan, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Melaka, Perak, Sabah, Terengganu dan Selangor yang memperakui penggunaan kaedah pengiraan zakat al-Mustaghallat secara Khultah bagi Dana Harga Tetap ASNB.

Pendekatan ini selaras dengan konsep zakat Khultah dalam Islam, berdasarkan hadith riwayat Anas bin Malik dari Abu Bakar RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda "Tidak dihimpunkan (harta zakat) yang terpisah dan tidak dipisahkan (harta zakat) yang terhimpun untuk mengelakkan dari zakat, dan dua orang yang bercampur (harta zakatnya) hendaklah dikeluarkan zakat daripada keduanya secara pro-rata" (HR Bukhari). Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my/zakat

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) lebih 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad